



Selasa, 22 Jun 2021, 11:35am
Waktu Solat Kuala Lumpur : Zohor 1:19 PM



Cari kata kunci



RASAI BERITA SEBENAR

PPV UiTM Shah Alam beroperasi hari ini [METROTV]

[Norzamira Che Noh](#)

am@hmetro.com.my

PPV UiTM Shah Alam beroperasi hari ini



Shah Alam: Pusat Pemberian Vaksin, Institusi Pengajian Tinggi (PPV,IPT) Mega di Dewan Agung Tuanku Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM) dekat sini mula beroperasi pada jam 8 pagi, hari ini.

UiTM dalam kenyataan memaklumkan bahawa PPV berkenaan adalah pusat kedua bagi universiti itu selepas PPV di UiTM kampus Puncak Alam.

"Ia mula beroperasi jam 8 pagi sehingga 5 petang dan mampu memuatkan seramai 1,500 penerima vaksin pada satu-satu masa.


"Pusat ini dilengkapi fasiliti dengan ruangan parkir 800 kenderaan, kemudahan bagi Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas, ruang pemantauan dan kemudahan lain bakal memberi manfaat yang besar kepada warga Selangor dan keutamaan akan diberikan kepada mereka yang berdaftar melalui MySejahtera," katanya.

Menurut kenyataan itu, pengoperasian PPV berkenaan membabitkan 250 kakitangan terdiri petugas barisan hadapan, pegawai dari pelbagai

Trending



[Geng kongsi gelap langgar SOP dicekup](#)



[Bertahan 123 hari saja](#)



[Bekas menteri ditahan atas dakwaan rogol pelaku kelahiran Malaysia](#)




['Nak kurus macam saya, kena periksa darah dulu' - Shima](#)



[Anang positif, isu hutang keluarga besan...](#)

Pusat Tanggungjawab (PTj) di UiTM Shah Alam.



SHAH ALAM 21 JUN 2021. Orang ramai mengambil vaksin pada hari pertama operasi Pusat Pemberian Vaksin, Institut Pengajian Tinggi (PPV, IPT) Mega di Dewan Agung Tuanku Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam. STR/FAIZ ANUAR

Katanya, sukarelawan pula terdiri staf UiTM, pelajar dan alumni yang akan bersama-sama terbabit menjayakan program itu.

"UiTM percaya melalui sokongan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT); Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kerajaan Negeri dan kementerian-kementerian lain yang terlibat, UiTM akan sentiasa bersedia memberikan kerjasama serta perkhidmatan terbaik dan profesional bagi menyediakan perkhidmatan pemberian vaksin kepada orang ramai ke arah membantu negara melandaikan lengkung jangkitan wabak Covid-19," katanya.


Jelas kenyataan itu lagi, sebelum ini operasi pemberian vaksin di PPV, IPT UiTM berskala mega sudah bermula pada 7 Jun lalu di Dewan Berlian UiTM Kampus Puncak Alam.

Katanya, PPV berkenaan juga boleh memuatkan seramai 1,500 orang pada satu-satu masa, selain fasiliti dengan kapasiti ruangan parkir 300 kenderaan, bilik pemantauan dan kemudahan lain malah ia turut dilaksanakan secara hibrid.

- [Lagi berita berkaitan Covid-19](#)

Disiarkan pada: Jun 21, 2021 @ 2:31pm

Artikel Berkaitan



Mutakhir



[Maqis tahan 98.4 tan makanan tambahan haiwan](#)




[Segerakan program imunisasi berkelompok untuk penggiat industri kreatif](#)



[Masuk hutan untuk suntik vaksin](#)



[Wanita 100 tahun antara penerima pertama vaksin di PPV Sook](#)



[Kakitangan pelantar minyak cetus Kluster Samedra](#)



[Trek balapan bertukar wajah](#)

MyResipi



[Musim Durian Datang Lagi, Jom Cuba Petua Hilangkan Bau Durian & Kurangkan Panas Badan!](#)



[Dah Jemu Makan Roti Kosong? Jom Cuba Resepi Cucur Roti Gardenia, Rangup Di Luar Tapi Lembut Di Dalam](#)



[Nak Masukkan Buah Pelaga Dalam Masakan Tapi Tak Tahu Cara Yang Betul? Jom Cuba Tips Ini](#)



[Hanya Guna Puff Pastri, Ini Resepi Tat Telur Portugis Ala Bakers Cottage!](#)



[Petua Menghasilkan Kuih Bom Inti Kacang Yang Cantik & Tidak Meletup Semasa Digoreng](#)



MUTAKHIR
19 universiti awam, HPU dikenal pasti sebagai PPV IPT

MUTAKHIR
PPV AstraZeneca akan dibuka lebih banyak di zon merah
[METROTV]



MUTAKHIR
PPV pandu lalu di Hospital Pakar Kanak-Kanak UKM [METROTV]

MUTAKHIR
PPVAZ Mega Persada selesa, mesra OKU [METROTV]

Disyorkan untuk anda

Iklan oleh |



Malay 7 gre...
Australia.com

[Learn More](#)



Dubai Villa Prices Fall to Lowest Point in a Decade
Mansion Global



Shah Alam: Liquidation Of Unsold 2020...
SUV Deals | Search Ads



See what full mouth dental implants may...
Dental Implants | Sear...



Mendapatkan pinjaman mungkin lebih...
Pinjaman | Senarai Taj...



Luxury Retirement Homes in Shah...
Senior Living | Search ...



This 300x Magnifying Telescope Will...
tech4-you.com



Invest in Amazon and others and create a second...
Top Invest Advisor



© 2021 Harian Metro, New Straits Times Press (M) Bhd.
A part of Media Prima Group.

Hubungi Kami
Team myMetro
RSS Feed
Disclaimer
Notis Perlindungan
Data Peribadi

Utama
Mutakhir
Global
Arena
Rap/Rapxtra
Bisnes
MetroTV

Akademia
#ITMetro
Ku Bela
Santai
P&P
Dekotaman
WM

Addin
Rencana
Sihat
Xpresi
Vroom
Galeri
Infografik